

Jenis Akhbar : *Mingguan Malaysia*

Tarikh : 04/08/2019

Edisi / Muka Surat : Nasional /66

Tajuk : *Tabung Infaq Lil-Waqf ANGKASA salur dana RM5.1 juta*



KAMARUDIN ISMAIL (dua dari kanan) beramah mesra bersama warga Akademi Faqeh di Nilai dekat Seremban, Negeri Sembilan semalam.

Tabung Infaq Lil-Waqf Angkasa salur dana RM5.1 juta

SEREMBAN 3 Ogos - Sebanyak RM5.1 juta dana daripada Tabung Infaq Lil-Waqf Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) telah disalurkan kepada golongan kurang berkemampuan sehingga tahun lalu.

Timbalan Presiden Angkasa Datuk Kamarudin Ismail berkata, sumbangan sejak tahun 2014 itu disalurkan termasuk kepada orang kurang upaya (OKU) bertujuan membantu meringankan hidup mereka.

"Dana yang disalurkan ini termasuk hasil infak oleh Angkasa sendiri, anggota koperasi, pelanggan potongan gaji, agensi korporat dan individu.

"Kami agihkan dana ini kepada pelbagai saluran seperti pusat perlindungan, pusat penjagaan, perkhidma-

tan kesihatan dialisis, pusat perniagaan koperasi, institusi pendidikan serta pembelian bangunan untuk diwakafkan," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar sempena perasmian Laman Agro Coop Care Angkasa-Faqeh Jom Tanam Sejuta Pokok di Nilai dekat sini hari ini.

Yang turut hadir, Naib Presiden Angkasa Datuk Che Mohd. Shukree Che Isa; Pengerusi Yayasan Faqeh Syar Meeze Mohd. Rashid dan Pengurus Besar Bahagian Komunikasi Korporat Angkasa Borhan Mat Aris.

Sementara itu, Kamarudin berkata, projek Laman Agro Coop Care Angkasa-Faqeh memberi peluang kepada kanak-kanak istimewa di Akademi Faqeh menanam sayur-sayuran organik.